



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KPM.600-1/3/1 JLD.2 (2)

16 Ogos 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DALAM LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN DAN UNIVERSITI UNTUK MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN JANGKA PANJANG SECARA SEPENUH MASA DI LUAR NEGARA DENGAN TAJAAN SELAIN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) ATAU PEMBIAYAAN SENDIRI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Staf (JIPS) Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 2/2018 pada 23 Julai 2018 telah meluluskan **Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian Dan Universiti Untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa Di Luar Negara Dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Atau Pembiayaan Sendiri Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)**.

3. Garis Panduan ini merupakan panduan kepada semua PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran dengan tajaan selain KPM atau secara pembiayaan sendiri. Ianya juga bertindak sebagai rujukan kepada semua Ketua Jabatan dalam urusan untuk memberi sokongan dan pengesahan bagi permohonan PPP serta rujukan oleh Bahagian Tajaan Pendidikan KPM untuk kelulusan kemudahan cuti belajar.

4. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk membuat hebahan kepada jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya amat dihargai. Garis Panduan ini juga boleh dicapai melalui portal rasmi KPM di www.moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. AMIN BIN SENIN
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan Pelajaran)

Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Operasi Pendidikan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)

Senarai Edaran

1. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
2. Pengarah
Lembaga Peperiksaan Malaysia
3. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
6. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
7. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
10. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
11. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
12. Pengarah
Bahagian Buku Teks
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
14. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
15. Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan

16. Pengarah
Bahagian Sukan
17. Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
18. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
19. Setiausaha Bahagian
Bahagian Tajaan Pendidikan
20. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
21. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
22. Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi dan Kaunseling
23. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
24. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
25. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
26. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
27. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
28. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
29. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
30. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
31. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

32. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
33. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
34. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
35. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
36. Pengarah
Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur
37. Pengarah
Jabatan Pendidikan WP Labuan
38. Pengarah
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya



GARIS PANDUAN PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN DAN UNIVERSITI UNTUK MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN KURSUS JANGKA PANJANG SECARA SEPENUH MASA DI LUAR NEGARA DENGAN TAJAAN SELAIN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) ATAU PEMBIAYAAN SENDIRI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tentang ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan **pemilihan bidang pengajian, universiti dan penajaan** bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berhasrat untuk mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa **di luar negara** menggunakan kemudahan Cuti Belajar dengan tajaan selain KPM atau dengan pembiayaan sendiri.

TAKRIFAN

2. Bagi tujuan Garis Panduan ini:
- i. **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)** bermaksud pegawai yang dilantik ke dalam skim perkhidmatan pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam jawatan;

- ii. **Kursus Jangka Sederhana** bermaksud kursus sepenuh masa yang melebihi 3 bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- iii. **Kursus Jangka Panjang** bermaksud kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- iv. **Tajaan Selain KPM** bermaksud kemudahan yang diperuntukkan oleh kerajaan luar yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia, Badan Antarabangsa atau agensi lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain sepanjang tempoh pengajian;
- v. **Pembiayaan sendiri** bermaksud semua keperluan kos berkaitan pengajian dibiayai sendiri sepenuhnya oleh PPP sepanjang tempoh pengajian;
- vi. **Cuti Belajar** bermaksud cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau berhenti kerja (Dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus);
- vii. **Ketua Jabatan** bermaksud Pengarah/Ketua Nazir Sekolah/Rektor/ Setiausaha Bahagian di KPM dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri.

LATAR BELAKANG

3. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) menyediakan peluang untuk PPP mengikuti

program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Menjelang tahun 2025, KPM menyasarkan 60 peratus daripada program PPB adalah secara inisiatif sendiri. Program peningkatan akademik merupakan salah satu program yang boleh diikuti secara sendiri bagi membuka laluan kepada PPP untuk merancang dan membangunkan kompetensi diri. Pemilihan bidang pengajian mesti seiring dengan keperluan KPM bagi merealisasikan Dasar Pendidikan Negara (DPN).

4. Bagi tujuan ini, PPP adalah digalakkan mengenal pasti ruang dan peluang untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa melalui penajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri. Justeru, KPM menyediakan kemudahan Cuti Belajar kepada PPP yang berkelayakan untuk membolehkan kursus yang diikuti adalah secara sepenuh masa.

5. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini dirangka sebagai rujukan kepada PPP dalam membuat pemilihan bidang pengajian, universiti dan tajaan. Selain itu, garis panduan ini menjadi rujukan kepada Ketua Jabatan dan Bahagian Tajaan Pendidikan agar kemudahan Cuti Belajar dapat diuruskan dengan teratur dan menepati dasar-dasar yang sedang berkuatkuasa.

PERINGKAT PENGAJIAN

6. Kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang merangkumi pengajian peringkat **sijil/diploma lepasan ijazah dan ijazah lanjutan (ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran)**.

PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN

7. PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di luar negara dengan tajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri perlu mematuhi aspek pemilihan bidang pengajian seperti yang dicadangkan dalam Perancangan Strategik Penajaan KPM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM Bil. 8 Tahun 2016 seperti berikut:

Kluster	Bidang Pengajian
Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	Bahasa
	STEM
	Kemahiran Teknik dan Vokasional
	Teknologi Pendidikan
	Sains Sosial / Ilmu Kemanusiaan / Sastera Ikhtisas
	Pengukuran dan Penilaian
	Ilmu Pendidikan / Pendidikan Keperluan Khas / Pendidikan Pra Sekolah

Kluster	Bidang Pengajian
Kepimpinan	Perancangan Strategik
	Perancangan Pembangunan Pendidikan
	Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan
	Pemantauan, Penyeliaan dan Penaziran
	Perancangan / Pembangunan Sumber Manusia

Kluster	Bidang Pengajian
Kepakaran Pendidikan	Pembangunan Polisi dan Pembangunan Kurikulum Pendidikan
	Psikologi dan Kaunseling
	Kejurulatihan Utama Pendidikan
	Pembangunan Pentaksiran

8. Bidang pengajian boleh berubah mengikut keperluan semasa dan masa hadapan KPM tertakluk kepada Kluster Pembelajaran dan Pengajaran, Kluster Kepimpinan dan Kluster Kepakaran Pendidikan.

MOD PENGAJIAN

9. Mod Pengajian yang boleh diikuti oleh PPP mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

Peringkat		Mod
Sijil/Diploma Lulusan Ijazah		Kerja Kursus dan yang berkaitan
Ijazah Lanjutan	Ijazah Sarjana	Mod Campuran (Kerja Kursus Dengan Disertasi/Tesis) atau Mod Penyelidikan sepenuhnya
	Ijazah Kedoktoran	Mod Penyelidikan sepenuhnya

10. PPP **tidak dibenarkan** mengikuti mod pengajian secara dalam talian (*Online*) bagi semua peringkat pengajian.

KELAYAKAN AKADEMIK DAN PENGALAMAN BAGI PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN

11. PPP yang memohon untuk mengikuti pengajian perlu mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman berkaitan bagi setiap kluster seperti berikut :

Peringkat	Kluster	Kelayakan Akademik Dan Pengalaman
Sijil/Diploma Lulusan Ijazah	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan ATAU sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.
	Kepimpinan	
	Kepakaran Pendidikan	

Peringkat		Kluster	Kelayakan Akademik Dan Pengalaman
Ijazah Lanjutan	Ijazah Sarjana	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan ATAU sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.
		Kepimpinan	
		Kepakaran Pendidikan	
	Ijazah Kedoktoran	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana; • Mengikuti pengajian dalam Kluster Pengajaran dan Pembelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana; DAN • Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.
Kepimpinan		<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana; • Mengikuti pengajian dalam Kluster Kepimpinan di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana; 	

Peringkat		Kluster	Kelayakan Akademik Dan Pengalaman
Ijazah Lanjutan	Ijazah Kedoktoran		<p>DAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.
		Kepakaran Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam Kluster Kepakaran Pendidikan; DAN Mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.

PEMILIHAN UNIVERSITI MENGIKUT *RANKING* DAN BIDANG PENGAJIAN

12. PPP hendaklah memilih universiti yang berada di negara yang selamat dan dalam senarai *ranking* 100 terbaik di dunia mengikut bidang yang dimohon pada tahun semasa. PPP perlu merujuk kepada *World Universities Rankings* yang diterbitkan oleh *Times Higher Education* (THE) untuk menyemak *ranking* universiti dan *QS Top Universities* untuk semakan bidang pengajian di universiti yang dipilih.

PEMILIHAN PENAJA SELAIN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

13. Pemilihan penaja hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut :

- (i) Penaja tidak mengenakan sebarang ikatan kontrak dan syarat-syarat lain selepas tamat pengajian;
- (ii) Penaja tidak terlibat dalam sebarang kegiatan yang boleh memudaratkan hubungan antara negara seperti kegiatan penghasutan, keganasan, tunjuk perasaan, keagamaan dan politik; dan
- (iii) Penaja tidak menetapkan apa-apa syarat pematuhan yang boleh menjejaskan imej PPP sebagai penjawat awam.

14. PPP hendaklah memastikan penajaan yang diterima memenuhi ketetapan KPM berdasarkan peringkat dan tempoh pengajian yang dibenarkan.

PEMBIAYAAN SENDIRI

15. PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di luar negara dengan pembiayaan sendiri perlu mempunyai kemampuan kewangan dalam semua urusan perbelanjaan sepanjang pengajian merangkumi urusan sebelum memulakan pengajian, semasa mengikuti pengajian dan selepas tamat pengajian.

PERTANYAAN

16. Sebarang pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG):

Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2-6, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Telefon : 03 8884 1144
Faks : 03 8889 3507

17. Permohonan kemudahan cuti belajar boleh dibuat setelah kriteria pada perkara 6 hingga 15 dipenuhi. Sebarang pertanyaan berkaitan urusan permohonan kemudahan Cuti Belajar hendaklah dirujuk kepada Bahagian Tajaan Pendidikan seperti alamat berikut:

Bahagian Tajaan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN
Telefon : 03 8321 7100
Faks : 03 8321 7101
Emel : bt.info@moe.gov.my

PEMAKAIAN

18. Garis Panduan ini terpakai:-

- (i) Kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP);
- (ii) Berkuatkuasa mulai tarikh garis panduan ini dikeluarkan dan adalah khusus sebagai rujukan dan panduan bagi PPP yang berhasrat untuk

melanjutkan pengajian di peringkat Sijil/Diploma Lepas/Ijazah/Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di luar negara dengan tajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri; dan

- (iii) Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar kepada Pegawai Awam yang mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang secara Sepenuh Masa JPA (L) S.175/4/1-1 KLT.17().